



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 17

RABU, 4 SEPTEMBER, 1963.

رابعو 16 ربيع الآخر 1383

PERCHUMA

D. Y. M. M. MENYERU RA'AYAT BRUNEI

*Supaya Menyokong Rancangan2 Kerajaan Untuk
Mencapai Kemajuan Menurut Perlembagaan*

BANDAR BRUNEI—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menyeru kepada ra'ayat Brunei supaya memberi bantuan yang ta'at setia kepada rancangan2 Kerajaan Baginda untuk kemajuan Negeri Brunei Darul Salam pada sa-tiap masa dan dengan ada-nya perdampingan yang rapat di-antara ra'ayat dan Kerajaan, titah Baginda, maka boleh-lah "kita mencapai kemajuan yang terus menerus menurut Perlembagaan dan juga dalam segi ekonomi."

Baginda telah melafadzkan titah tersebut ketika bertitah di-majlis pembukaan rasmi Permashuaratan Pertama Musim Ke-empat, Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 28 Ogos, 1963.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia dengan sa-penolihnya ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

"Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian. Dengan amat sukachita-nya Beta mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyampaikan ucapan kepada Ahli2 Yang Berhormat pada perlembagaan yang pertama Musim permashuaratan Ke-empat bagi Majlis Meshuarat Negeri ini.

Sabagaimana yang Ahli2 Yang Berhormat sedia mengetahui, Musim permashuaratan Ke-tiga telah tidak dapat di-teruskan disebabkan oleh perbuatan orang2 yang berniat jahat terhadap Kerajaan dan ra'ayat Negeri ini.

Maka te'ah menjadi perlu buat satu tempoh yang pendek untuk

menggantikan persidangan2 Majlis ini dan Beta sukachita melihat bahawa keadaan tersebut telah pun pada masa ini menjadi bertambah baik untuk membolehkan kemajuan perlembagaan Negeri ini di-mulakan semula sunggoh pun ada-nya gangguan baharu2 ini.

Dengan hal yang demikian Beta berchadang hendak menguraikan tujuan2 Kerajaan Beta untuk masa hadapan dan chara2 yang di-chadangkan bagaimana hendak memajukan kebajikan dan kema'amuran Negeri ini.

Mula2 sekali Beta suka menyebutkan perkara2 yang berthabit dengan perlembagaan. Dari semenjak di-mashhorkan Perlembagaan kita dalam tahun 1959, maka ada-lah menjadi tujuan

Kerajaan Beta untuk mendampingi lagi ra'ayat2 Beta dengan pertadbiran Negeri kita.

Walau pun berlaku-nya gangguan yang baharu2 ini yang mana Beta telah nyatakan tadi, Kerajaan Beta maseh jua bertegoh untuk meneruskan dasar ini.

Majlis yang ada pada masa ini ia-lah langkah yang pertama yang akan di-jalankan untuk menuju ka-araf itu tetapi Ahli2 Yang Berhormat ada-lah di-beri jaminan bahawa Kerajaan Beta memberi perhatian yang rapi untuk memulihkan semula angota2 yang di-pileh bagi Majlis Meshuarat Negeri di-dalam sedikit masa lagi.

Ahli2 Yang Berhormat sudah tentu memahami bahawa urusan yang perlu untuk melaksanakan dasar ini akan terpaksa di-pertimbangkan dengan teliti supaya ra'ayat2 Beta akan dapat di-beri segala pe'uang untuk di-wakili

dengan sewajar-nya di-dalam Majlis ini.

Akan di-ingati bahawa di-dalam ucapan Beta di-Majlis Meshuarat Negeri dalam bulan December 1961 Beta telah menyatakan apa yang di-ketahui sabagai Malaysia.

Sabagaimana yang di-ketahui ramai bahawa Beta dan Kerajaan Beta telah memikirkan dengan sehalus2-nya mengenai soalan yang mustahak ini dan telah mengadakan rundingan2 yang panjang lebar dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Baginda Queen tentang perkara ini.

Ahli2 Yang Berhormat semua mengetahui bahawa Beta dan Kerajaan Beta telah memutuskan bahawa buat masa ini tidak-lah akan memberi faedah kepada Negeri kita dan ra'ayat Beta bagi Negeri Brunei untuk memasoki Persekutuan Malaysia yang di-chadangkan itu.

Sunggoh pun begitu, Beta suka mengambil kesempatan untuk sekali lagi mengucapkan bahawa keputusan keluar-nya Negeri Brunei dari memasoki ka-dalam Persekutuan Malaysia yang di-chadangkan itu bukan-lah berarti atau sebagai sebab yang Negeri Brunei ini akan memutuskan hubungan berbaik2 dengan jiran2

(Lihat Muka 4).



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin (duduk di-tengah) kelihatan dalam gambar ini bergambar dengan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei dan lain2-nya sa-telah Baginda merasmikan pembukaan persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari Rabu 28 Ogos, 1963.

D.Y.M.M. Merasmikan Pembukaan Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Meshuarat Perdana dari Musim Permashuaratan Ka-empat, Majlis Meshuarat Negeri Brunei di Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 28 Ogos, 1963.


Upacara itu telah di-mulai dengan Perarakan Dato Speaker tepat pada pukul 9 pagi sa-bagai mana yang telah di-ranchangkan dan di-ikuti dengan bacaan Do'a Selamat oleh Kadhi Daerah Temburong, Inche Ishak bin Adam.

MENGHADHIRI PERSIDANGAN PEREKONOMIAN

BERAKAS. — Awang Husin bin Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Paduka Haji Mohamed Yusof, sa-orang Pegawai Perkhidmatan Pentadbiran Negeri Brunei telah berlepas ka-Bangkok dengan kapal terbang melalui Singapura pada petang 29 Ogos yang lalu untuk menghadiri Persidangan Petubuhan Pertanian dan Permakanan serta Surohan Jaya Perekonomian untuk Asia dan Timor Jauh.

Beliau telah di-temani oleh Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J. S. Gould sa-bagai Penasehat-nya.

Persidangan itu telah di-mulai pada 2 September dan di-jangka tamat pada 14 September.



Awang Husin dan Doktor Gould bergambar di-bangunan Lapangan Terbang Brunei sa-belum berlepas ka-Bangkok pada 29 Ogos, 1963.

Kemudian di-adakan istiadat mengangkat sumpah oleh semua ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-dahului oleh Dato Speaker Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dan di-turuti oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman dan lain2-nya.

Juru Tulis Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Penolong Juru Tulis Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Awang Chuchu bin Panglima Asgar telah juga mengangkat sumpah di-majlis tersebut.

BAGINDA TIBA

Persidangan tersebut telah berehat kerana menunggu ketibaan Duli Yang Maha Mulia sa-lepas membetulkan Minit Meshuarat Pertama dari Musim Persidangan Ketiga Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang telah di-adakan pada 10 Oktober, 1962.

Baginda telah tiba di-hadapan Bangunan Dewan Kemasharakatan dan di-sambut dengan Tabek Kehormatan Di-Raja oleh Pasokan Pulis Brunei. Kemudian Baginda pun memeriksa Barisan Kehormatan Pulis Brunei.

Sa-baik sahaja Baginda selesai memeriksa Barisan Kehormatan tersebut, Baginda pun di-sambut dan di-alu2kan oleh Yang Ber-

hormat Dato Speaker Majlis Meshuarat Negeri Brunei dan beliau memperkenalkan Baginda kepada Ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan Brunei;

BERANGKAT KA-DEWAN

Sa-lepas berehat sa-jurus, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berangkat masuk ka-Dewan Kemasharakatan dan menduduki Singgahsana Baginda di-atas pentas dewan itu.

Kelihatan duduk di-atas kerusi2 di-atas pentas itu ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche A. M. MacIntosh; Duli2 Wazir, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha serta Dato Speaker, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

Kemudian Yang Berhormat Dato Speaker mengumomkan bahawa Duli Yang Maha Mulia akan melafadkan Titah Baginda dari Singgahsana.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun menyembahkan Surat Titah Uchapan kepada Duli Yang Maha Mulia.

Sa-lepas Baginda melafadkan Titah, Yang Berhormat Dato Speaker kembali duduk di-tempat beliau dalam dewan itu dan menanggohkan meshuarat.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berangkat balek ka-Istana Darul Hana sa-lepas bergambar ramai dengan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei; Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir; Yang Berhormat Dato Speaker; Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei dan lain2-nya.

Majlis Meshuarat Negeri Brunei itu telah di-sambungkan semula pada pukul 2.15 petang hari tersebut dan di-hadhi oleh semua ahli2-nya.

MENYOKONG TITAH D.Y.M.M.

Majlis itu telah meluluskan dengan sa-bulat suara satu usul oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berbunyi bahawa, "Majlis ini bersetuju dan meluluskan satu usul menguchap sa-penoh2 terima kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-atas keberangkatan Baginda di-majlis ini pada 28 Ogos, 1963 dan di-atas titah-nya yang Majlis ini menyokong dengan sa-penoh2-nya".

Persidangan tersebut telah

meluluskan satu usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri berkenaan dengan perkara lantikan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa Kira2 Awam Majlis Meshuarat Negeri bagi Musim Permashuaratan yang bermula pada 28 Ogos.

Majlis itu telah meluluskan satu usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara berkenaan dengan perkara lantikan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa Tetap untuk memeriksa Perintah2 Tetap Majlis Meshuarat Negeri.

Dua Rang Undang2 yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara telah di-luluskan oleh Majlis Meshuarat Negeri Brunei dalam petang tersebut, ia-itu:

Undang2 Pembayaran dan Kelebehan2 Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, Tahun 1963 dan Undang2 Mahkamah Besar, Tahun 1963.

Uchapan2 penanggihan telah di-lafadkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un dan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar.

TERIMA KASEH

Kemudian Dato Speaker, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah memberi ucapan dalam mana beliau telah menguchapkan berbanya terima kaseh kepada semua Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei kerana telah bekerjasama untuk menjayakan persidangan itu.

Yang Berhormat Dato Speaker selanjut-nya telah menanggohkan persidangan itu ka-satu tarikh yang akan datang kelak.

Jawatan Kuasa

Kira2 Awam

BANDAR BRUNEI. — Majlis Meshuarat Negeri Brunei dalam persidangan-nya pada hari Rabu 28 Ogos telah membentuk sa-buah Jawatan Kuasa Kira2 Awam.

Anggota2 Jawatan Kuasa tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Berhormat Inche R. D. Ross (Pengerusi), Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohamed Salleh, Yang Berhormat Tuan Haji Merhussin bin Abdullah, Yang Berhormat Inche Chong Seng Toh dan Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umaf.

Jawatan Kuasa Tetap Mereksa Perintah2

Tetap Majlis Meshuarat Negeri

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Jawatan Kuasa Tetap untuk memeriksa Perintah2 Tetap Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah di-bentok dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei pada hari Rabu yang lalu.

Jawatan Kuasa itu ada-lah mengandongi Speaker Majlis Meshuarat Negeri Brunei Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji

Ibrahim bin Mohamed Jahfar, sa-bagai Pengerusi; Peguam Negara Yang Berhormat Inche Idris Talog Davies; Timbalan Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksemana Dato Setia Haji Mohamed Taha dan Yang Berhormat Inche Abdul Manan bin Mohamed;

Guru2 Ugama Menyembahkan Ikrar Ta'at Setia Kapada Baginda

BANDAR BRUNEI. — Guru2 Ugama, lelaki dan perempuan di-seluruh Negeri Brunei telah menyembahkan ucapan ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda:

SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dalam bulan ini untuk memberi sharahan2 berkenaan dengan Ugama Islam.

Jadual lawatan tersebut adalah seperti berikut: Hari Juma'at 6 September: 2—3.30 petang—Sekolah Melayu Labu Estate, Temburong 2.30—4 petang—Sekolah Melayu Berakas.

Hari Juma'at 13 September: pagi—12.30 tengah hari; Sekolah Melayu Tanjong Maya, Tutong. 2—4 petang: Sekolah Melayu Puni, Temburong.

Hari Juma'at 20 September: 11 pagi—12.30 tengah hari—Masjid Tumpuan Telisai. 2.30—petang—Sekolah Melayu Mentiri, Brunei.

Hari Juma'at 17 September: 11 pagi—12.30 tengah hari—Masjid Kuala Balai. 2.30—4 petang—Sekolah Melayu Angrek Desa, Kampong Delima Dua, Berakas.

PERSATUAN MELAYU KERIAM

KERIAM. — Persatuan Meshuarat Agong Ulang Tahunnya kali yang ketiga bertempat di-Sekolah Melayu Keriam, Tutong pada hari Juma'at 23 Ogos.

Inche Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohamed Safar telah memimpin majlis tersebut.

Pegawai2 baharu Persatuan Melayu Keriam yang telah dilantik dalam Meshuarat Agong persatuan itu ia-lah seperti berikut:

Yang Dipertua: Inche Mohamed Noor bin Awang Besar. Naib Yang Dipertua: Inche Othman bin Uking. Setia Usaha: Inche Simpol bin Abdul Latif. Penolong Setia Usaha: Inche Ali Ahmad bin Lahab. Bendahari: Inche Mohamed Ali bin Orang Kaya Jaya Putra Haji Talib. Penolong Bendahari: Inche Abdul Rashid bin Kundin. Pemereksa Kira2: Inche Abu Na'im bin Mohamed Said.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Inche Harun bin Abdul Kadir. Inche Siput bin Abdullah. Inche Libut bin Abun. Inche Mohamed Java bin Samad dan Inche Mahadi bin Ismail.

Setia Usaha Penerangan: Inche Suhaili bin Orang Kaya Jaya Putra Haji Talib.

Ikrar itu telah di-tanda tangani bagi pihak Guru2 Ugama di-seluruh Negeri Brunei oleh Penyusun dan Pengeloa Sekolah2 Ugama Sa-Negeri Brunei, Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan; Pemereksa Kanan Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Tuan Haji Abdul Rahman Muhammad; serta oleh Pemereksa2 Sekolah2 Ugama, Daerah2 Brunei/Temburong, Tutong dan Belait.

Upacara menyembahkan ikrar ta'at setia itu telah di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 26 Ogos dan di-sembahkan kabawah Duli

yang Maha Mulia melalui Pemangku Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin.

Sa-lain daripada menyembahkan ucapan ikrar ta'at setia kabawah Duli Yang Mulia dan Kerajaan Baginda, Guru2 Ugama di-seluruh Negeri Brunei juga telah menyembahkan ucapan ikrar ta'at setia pada malam tersebut kapada Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin serta mengaku tidak akan menghampori so'al2 politik sama ada di-luar atau di-dalam negeri ini, dan berikrar dengan penoh hati akan sentiasa menjalankan tugas2 tanggung jawab mereka dalam segala lapangan ilmu pengetahuan Ugama Islam yang maha suci.

PEMANGKU PENGETUA PEGAWAI HAL EHWAL UGAMA KA-SINGAPURA


BERAKAS. — Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang pada petang 29 Ogos untuk bertemu duga dengan guru2 ugama di-Malaya yang telah membuat permohonan sa-bagai guru2 ugama di-Negeri Brunei.

Sa-lain dari itu, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei juga telah bertemu duga dengan beberapa orang di-Malaya yang telah membuat permohonan jawatan2 yang lain di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin telah di-iringi oleh Penyusun dan Pengelola Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Tuan Haji Abdul Kadir bin

dengan titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bahawa sungguh pun Brunei tidak memasoki Persekutuan Malaysia, akan tetapi negeri ini akan mempunyai persahabatan yang baik dengan negara2 dalam lingkungan Malaysia.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin menambahkan kata bahawa sebab pun guru2 ugama yang baharu akan di-di-pilih dari Malaya untuk ber-



Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin (tengah) kelihatan dalam gambar ini di-bangunan Lapangan Terbang Brunei sa-belum beliau berangkat ka-Singapura pada 29 Ogos, 1963. Di-sa-belah kiri ia-lah Tuan Haji Abdul Kadir dan di-sa-belah kanan ia-lah Ustaz Abdul Latif.

Haji Hassan dan Pegawai Penerjemah di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Ustaz Abdul Latiff bin Haji Hashim yang bertugas sa-bagai Setia Usaha kapada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin.

Sa-be'um berlepas ka-Singapura, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin berkata bahawa tujuan Kerajaan Brunei hendak mengambil guru2 ugama dari Malaya untuk berkhidmat di-Negeri Brunei ada-lah sesuai

khidmat di-Negeri Brunei ia-lah kerana menggantikan jawatan guru2 ugama yang tamat perkhidmatan mereka di-negeri ini dan juga kerana memandang terhadap perkembangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei serta kerana memandang kemajuan sekolah2 dewasa Ugama Islam yang masch meningkat bilangan-nya dan bilangan murid2-nya yang berkehendakkan lagi guru2 untuk mengajar mereka.

SELAMAT PENGANTIN BAHARU



Inche Zainuddin dan isteri sedang bersanding.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin; serta Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah menghadhiri istiadat akad nikah Inche Zainuddin Marsal, anak Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei dan Datin Zubaidah di-Rumah Jerambak, ia-itu tempat kediaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei pada malam 23 Ogos, 1963.

Pada ka-esokan petang kira2 sa-ribu orang telah di-raikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal dan Datin Zubaidah di-satu majlis jamuan teh di-Rumah Jerambak sa-bagai mera'ikan perkahwinan di-antara Inche Zainuddin Marsal dan Puan Hafsa Ali.

Sementara itu Inche Ali bin Awang Besar Penolong Pemungut Hasil Tanah Negeri Brunei dan isteri beliau telah mera'ikan ramai para jemputan di-satu majlis jamuan di-rumah mereka pada petang hari tersebut juga sa-bagai mera'ikan perkahwinan di-antara anak perempuan mereka Puan Hafsa dengan Inche Zainuddin.


Inche Zainuddin Marsal ialah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan juga sa-orang pemain hokey yang terkenal di-negeri ini. Sa-lain daripada bersinar dalam permainan hokey, Inche Zainuddin juga mengambil peranan yang chergas dalam lain2 permainan.

Inche Zainuddin ia-lah sa-orang pemain gitar yang bijak dan biasa mengambil bahagian dalam pertandingan2 "Talentine" anjoran Radio Brunei. Sa-bagai satu bukti, ia telah menghiborkan hati para hadirin dengan bermain gitar di-majlis tari menari menyambut perkahwinannya yang telah di-adakan di-rumah isteri-nya pada malam 24 Ogos.

PEMANDANGAN2 DI-MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MAJLIS MESHUARAT NEGERI BRUNEI



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 28 Ogos, 1963. Gambar2 ini telah di-amal pada masa ketibaan Baginda untuk merasmikan pembukaan persidangan tersebut.



Gambar2 kiri dan tengah—Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang bertitah di-majlis pembukaan rasmi Persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi 28 Ogos, 1963. Gambar kanan—Satu pemandangan di-Dewan Kemasharakatan pada masa sa-orang Ahli Majlis Meshuarat Negeri Brunei sedang mengangkat sumpah.

TITAH DULI YANG MAHA MULIA

(Dari Muka 1)

nya yang memasoki Persekutuan Malaysia.

Sebelum timbul-nya ura2 mengenai Persekutuan Malaysia bukan sahaja Negeri Brunei memberi sedikit sa-banyak bantuan yang terdaya oleh-nya tetapi juga negeri2 jiran kita seperti Singapura, Sarawak dan Sabah dan utama-nya negeri Persekutuan Tanah Melayu telah memberi pertolongan-nya yang berluasan kepada negeri ini dengan meminjamkan pegawai2-nya yang berkhidmat di-sini, maka Beta ucapkan ribuan terima kasih dan demikian juga kepada pegawai2-nya yang telah menjalankan dan maseh menjalankan perkhidmatan-nya yang berharga di-Negeri Brunei ini, ini juga apa-lah kira-nya tuan2 (Pegawai2 Persekutuan Tanah Melayu) dapat menerima ucapan terima kasih Beta atas kesudian tuan2 sekalian.

PERHUBONGAN

Pada memelihara amalan mengukuhkan perhubungan berbaik2 dengan jiran2 siapa yang bersahabat dengan kita ada-lah sememang-nya menjadi dasar Beta dan Kerajaan Beta.

Kerajaan Beta sesungguhnya menyadari betapa perlu-nya untuk memajukan sumbar2 Negeri ini seberapa banyak yang dapat, dan dalam melaksanakan-nya, memberi segala peluang yang boleh kepada ra'ayat2 Beta untuk mengambil peranan mereka yang sewajar-nya.

Perkara yang penting dalam melaksanakan projek2 tersebut ia-lah melateh Anak2 Negeri untuk membolehkan mereka memberi tenaga mereka yang sepatut-nya. Untuk mencapai maksud ini, maka perlu-lah dengan sa-cheput mungkin untuk mendapatkan bantuan orang2 yang berpengalaman dan berkelulusan dari Negeri2 luar dan Kerajaan Beta yakin bahawa dengan cara ini tempoh-nya akan dapat di-pendekkan untuk membolehkan ra'ayat2 Beta sendiri menjalankan tanggung-jawab2 ini kelak.

PENTADBIRAN

Dari itu Kerajaan Beta suka menegaskan bahawa pengambilan pegawai2 dari luar Negeri Brunei adalah satu langkah yang di-amal semata2 untuk faedah Negeri ini dan akan menyebabkan bertambah2-nya ra'ayat Brunei memegang teraju pentadbiran Negeri.

Beta suka mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih Beta dan Kerajaan Beta kepada pegawai2 di-dalam segala pejabat yang tidak sekali2 berginjak menumpukan ta'at setia mereka kepada diri Beta dan Negeri kita.

Khusus-nya Beta mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Anggota2 Pasokan Pulis Beta dan kepada Anggota2 Pasokan Tentera British yang ta'at setia kepada tugas2 mereka yang menjadi sebab yang terbesar terhapus-nya penderhakaan baharu2 ini.

Ra'ayat Negeri Brunei tidak mungkin akan melupai kebaktian ini dan akan sentiasa memperingati dengan hormat-nya kepada mereka yang telah mengorbankan jiwa mereka untuk mempertahankan ra'ayat Brunei. Kita tidak seharus-nya melupai

pegawai2 yang lain yang terus menjalankan tugas2 mereka walau pun dalam keadaan2 yang amat sukar dan kepada mereka itu Beta jua suka mengucapkan terima kasih Beta dan Kerajaan Beta.

Ada-lah menjadi hasrat Beta dan dasar Kerajaan Beta supaya keadaan Dharurat di-tamatkan dengan seberapa segera yang dapat berseimbangan dengan keamanan serta keselamatan Negeri kita.

Dari mula-nya Kerajaan Beta telah mengetahui bahawa kebanyakan dari orang2 yang mengambil bahagian dalam penderhakaan bulan December yang lalu telah di-tipu oleh orang2 yang berniat jahat dan dari semenjak itu mereka telah menyedari kesilapan mereka itu.

Dengan memikirkan hal ini dari mula-nya berlaku Dharurat maka satu dasar pengampunan terhadap orang2 yang terkeliru itu telah sentiasa di-turuti.

Beta sendiri telah beberapa kali menjelaskan hal ini dan dasar pengampunan, yang mana ada-lah menjadi hasrat Kerajaan Beta untuk meneruskan, akan setakat demi setakat membolehkan pembebasan orang2 yang perbuatan mereka telah menyebabkan mereka itu di-tahan.

KEMAJUAN

Kemajuan yang besar telah pun di-buat ka-araf ini dan sa'at-nya tidak lama lagi akan tiba apabila orang2 yang maseh di-dalam tahanan hanya merupai orang2 terhadap siapa ada keterangan yang menunjukkan mereka itu telah melakukan kesalahan2 jinayah atau pun telah bergiat sebagai pengasut dan pemimpin2 yang mana jika mereka itu di-bebasan di-sa'at sakehoh masa hadapan nanti akan menjadikan satu bahaya

yang besar kepada ketenteraman negeri kita ini.

Di-bawah shariat2 Undang2 Taraf Kebangsaan, 1961, boleh-lah orang2 yang bukan ra'ayat tinggal di-Negeri ini sechra tetap dan berkelakuan baik untuk memperolehi taraf sabagai sa-orang Warga Negara. Sabagaimana yang di-lakukan di-negeri2 lain maka patut-lah supaya kelayakan2 bagi memperolehi taraf tersebut hendak-lah menjamin bahawa hanya orang2 yang tidak berbelah bagi ta'at setia-nya dan yang berkelakuan baik sahaja akan berhak bagi mendapatkan taraf itu.

PENGETAHUAN

Begitu jua tidak-lah di-fikirkan sama sekali tidak munasabah bahawa sa-saorang yang hendak menjadi Warga Negara Negeri ini hendak-lah mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang menchukupi dan telah tinggal di-Negeri ini selama satu tempoh yang berpatutan.

Dari itu Kerajaan Beta berchadag untuk mengkaji perjalanan Undang2 Taraf Kebangsaan, 1961, dari semenjak ia-nya berjalan kuatkuasa dengan tujuan untuk mengambil tindakan undang2 yang di-fikirkan perlu untuk menyegerakan pengurniaan taraf sabagai Warga Negara kepada orang2 yang benar2 kasehkan kepentingan Negeri ini.

Akhir-nya Beta menyeru kepada ra'ayat Brunei supaya memberi sokongan yang ta'at setia kepada rancangan2 Kerajaan Beta untuk kemajuan Negeri kita di-dalam tahun2 yang akan datang ini. Dengan adanya perdampingan yang rapat di-antara ra'ayat dan Kerajaan, maka bolsh-lah kita mencapai kemajuan yang terus menerus menurut Perlembagaan dan juga dalam segi ekonomi".

D.Y.M.M. Merasmikan Pembukaan Kursus Pegawai2 Dan Guru2 Uagama

SERIA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama Sa-Negeri Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell Seria pada pagi hari Ahad 25 Ogos, 1963.

Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama itu telah di-tamatkan pada hari Khamis 29 Ogos dengan memperoleh kejayaan yang besar.

Di-antara para jemputan yang hadir di-majlis pembukaan rasmi kursus tersebut ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Peman-cha, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman; Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan lain2-nya.

Majlis pembukaan rasmi Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama Sa-Negeri Brunei telah di-mulai dengan bacaan Al-Koran Al-Karim oleh Chegu Noordin bin Chuboi, Guru Koran, Daerah Belait dan di-ikuti dengan ucapan sambutan oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah di-junjung melafadzkan titah ucapan Baginda dan merasmikan pembukaan kursus tersebut.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Mufti Kerajaan Negeri Brunei, Sahibul Fadhilah Tuan Al-Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Pada masa menghadiri kursus tersebut sharahan2 mengenai tajok2 di-bawah ini telah di-berikan o'leh beberapa orang Pegawai Kerajaan serta juga oleh sa-orang Wakil dari Shariat Minyak Shell, ia-itu seperti berikut:

Pentadbiran Kerajaan oleh Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Ekonomi Negara oleh Pena-sehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei, Doktor J. S. Gould dalam bahasa Inggeris dan di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu oleh Inche Mohammed Zain Ariff.

Ilmu Kesehatan oleh Pegawai Kesehatan Brunei, Doktor Mayor dalam bahasa Inggeris dan di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu o'leh Inche Chua Kong Seng.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan sedang bertitah di-majlis pembukaan rasmi Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama Sa-Negeri Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi 25 Ogos, 1963.

Perkembangan Uagama Islam Di-Brunei Amat Menarek Perhatian

SERIA. — Guru2 Uagama dan Pegawai2 Uagama kita ada-lah orang2 yang selalu berdampingan rapat dengan ra'ayat dan masha-rakat. Dengan sebab itu sudah sewajar-nya mereka di-beri penga-laman2 dan pengetahuan2 'am yang mendalam guna panduan mereka bagi menjalankan tugas dan tanggung jawab mereka yang penting dan di-perlukan itu. Demikian antara lain kata Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin ketika memberi ucapan di-majlis pembukaan rasmi Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama Sa-Negeri Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell Seria pada pagi hari Ahad 25 Ogos yang lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin berkata dalam ucapan beliau bahawa, "Kursus kali ini di-hadiri oleh kira2 214 orang Pegawai2 dan Guru2 Uagama. Kapada peserta2 kursus, saya sa-sungguh-nya meletakkan harapan kapada mereka supaya menghadapi penoh semangat dan sa-genap perhatian kapada latehan2 dan cheramah2 yang akan di-sampaikan kapada mereka."

Perkembangan Uagama Islam di-Negeri Brunei, kata beliau, amat-lah menarek perhatian kerana kita sentiasa mendapat ker-jasama dari ra'ayat dan pendu-dok negara ini dari segala lapi-san puak dan keturunan, sama ada yang beragama Islam atau tidak.

Kerjasama dan rasa persaha-batan dan safahaman yang men-

Ilmu Kemasharakatan oleh Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Salleh bin Haji Masri.

Dasar Penerangan Negara oleh Timbalan Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir dan di-sampaikan oleh Pegawai Siaran Radio dan Penerangan, Daerah Belait, Pengiran Mohamed bin Pengiran Matsaruddin.

Fikah Al-Shafie oleh Mufti Kerajaan Brunei Sahibul Fadhilah Tuan Al-Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Al-tauhid oleh Setia Usaha

Badan Penerangan Uagama Islam Negeri Brunei, Tuan Haji Kenot bin Awang Othman.

Perusahaan Minyak oleh Inche Abdul Aziz bin Malim dari Jabatan Penerangan Shariat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Sa-lain dari sharahan2 terse-but untuk Pegawai2 dan Guru2 Uagama, sharahan2 berasingan untuk Pegawai2 Uagama sahaja serta sharahan2 berasingan un-tok Guru2 Uagama lelaki dan perempuan sahaja telah di-la-fadzkan oleh beberapa orang Pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei.

Pegawai2 Uagama dan Guru2 Uagama lelaki dan perempuan yang telah menghadiri kursus tersebut dari seluroh Negeri Brunei telah juga melawat ka-kawasan Padang Minyak di-Seria dan melawat ka-Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Satu majlis menyampaikan Sijil2 kapada penuntut2 Darjah Enam Sekolah2 Uagama yang telah lulus dalam pepereksaan me-reka telah di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada petang hari Isnin 26 Ogos.

Sijil2 itu telah di-sampaikan oleh Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali kapada penuntut2 tersebut.

Pada malam 26 Ogos pula, Guru2 Uagama dan Pegawai2 Uagama Sa-Negeri Brunei telah menyembahkan ucapan ikrar ta'at setia kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Beginda serta juga kapada Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin.

Pegawai2 dan Guru2 Uagama dari seluroh Negeri Brunei yang menghadiri kursus itu telah bergambar ramai pada pagi hari Khamis yang lalu sa-bagai tanda kenangan sa-belum mereka ber-pisah, sambil berharap sa-moga mereka akan dapat bertemu sa-kali lagi pada masa di-adakan kursus di-antara mereka pada masa hadapan kelak.

DAYANG MASNAH MERASMIKAN PEMBUKAAN KELAS DEWASA UGAMA

SERIA. — Dayang Masnah binti Mohamed Yusof, isteri Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait telah merasmikan pem-bukaan Kelas Dewasa Uagama Pe-rempuan Seria di-Masjid Jama' Seria pada petang hari Sabtu 31 Ogos, 1963.

Ustazah Malai Rogayah binti Ma'ai Mashhor telah memimpin majlis tersebut.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Pegawai

Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pemereksa Kanan Sekolah2 Uagama Sa-Negeri Brunei, Tuan Haji Abdul Rahman; Pemereksa Sekolah2 Uagama Daerah Belait, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdul-lah dan lain2-nya.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Kadhi Daerah Belait, Yang Mulia Mu-dim Haji Adnan.

KERJA-KERJA KOSONG

Pemandu2 Motor Sangkut

Pemohon2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi 8 jawatan kosong sabagai Pemandu Motor Sangkut dalam Jabatan, Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya selama 3 tahun.
- Berkebolehan membaiki kerosakan jentera yang kecil2.

Tugas Chalon2 yang terpilih akan di-tempatkan di-merata2 daerah dalam Negeri Brunei dan mesti-lah bersedia bekerja di-waktu siang atau pun malam.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.2-3-4-5-6 \$152 x 3-158-160-180x4-200.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 14 September, 1963.

Tukang Kebun

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei bagi jawatan sebagai Tukang Kebun/ Pembersih dalam Jabatan Pulis.

GAJI: Dalam sukatan gaji F. 1-2-3-4-5—\$14x3-158-160-180.

Chuti dan tambang ada-lah mengikut sharat2 Kerajaan yang ada sekarang

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 14 September, 1963.

PEMANDU2 "LAND ROVER"

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi 10 jawatan kosong sabagai Pemandu Land Rover di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kereta.
- Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.
- Chalon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebeh dari 50 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2 nya 5 tahun pengalaman memandu kereta serta tidak pernah di-hukom kerana kesalahan memandu dengan chuai.

Tugas:

- Chalon2 yang di-pilih mesti-lah boleh memandu Land Rover bagi Rancangan Menchegeh Malaria.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas di-siang atau malam hari di-dalam mana2 daerah di-Negeri Brunei.
- Berkebolehan membaiki kerosakan2 yang kecil.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 5-6 atau F.6-7 \$180x4-200 atau \$184x4-212.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 14 Sept., 1963.

"TRACER"

PEREMPUAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sabagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk menjadi "Tracer" di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berkekelulusan Darjah IV Sekolah Melayu dan Form II Inggeris.
- Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang-nya 18 tahun tetapi tidak lebeh daripada 35 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai tulisan yang cante dan baik.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$183 x 7-211-220 x 10-260-280-290-300.

Permohonan2 mestilah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 12 Sept., 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penolong Pegawai Perpustakaan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei dan mesti mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris sekurang2-nya lulus Form III dan pandai berbahasa Melayu termasuk tulisan Jawi.

Gaji: Dalam tingkatan D(b)2-3-4-5 \$211-220x10-260-280-290x20-330. Gaji permulaan akan di-tentukan mengikut kelayakan2 dan pengalaman pemohon.

Tugas: Chalon yang berjaya itu akan bertanggung-jawab kerana kelichinan susunan dan perjalanan Pustaka Maktab dan membuat lain2 kerja yang berkaitan dengan buku2 sabagai-mana yang di-arahkan oleh Guru Besar.

Permohonan2 ini mesti-lah di-

penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 12 Sept., 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

KHEMAH PENGAKAP2 BRUNEI MENDAPAT KEPUJIAN

BERAKAS. — Khemah Pengakap2 Negeri Brunei di-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Greece baharu2 ini telah mendapat kepujian yang baik berkenaan dengan kebersehan dan kechanteke-nya. Bertambah2 pula, bendera Negeri Brunei telah berkiba dengan indah-nya di-Perkhemahan Pengakap2 itu. Demikian kata Pesuruh Jaya Pengakap2 Daerah Belait, Inche Abu Bakar bin Othman yang telah mengetuai rombongan perwakilan Pengakap2 Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia tersebut:

Rombongan perwakilan Pengakap2 Negeri Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia itu telah berangkat ka-Greece dengan kapal terbang pada 29 Julai melalui Singapura dan telah selamat kembali ka-Brunei dengan kapal terbang juga pada 20 Ogos.

Menurut keterangan sa-orang anggota rombongan perwakilan Pengakap2 Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia itu ka-

pada wartawan kita, ramai orang yang telah melawat ka-Khemah Pengakap2 Brunei telah menyaksikan Pengakap2 Negeri Brunei mempersembahkan Tarian2 Zapin, Ronggeng dan lain2 tarian asli.

Mereka juga telah menyanyikan lagu2 Melayu untuk menghiborkan hati para pelawat itu, sunggoh pun para pelawat itu tidak tahu langsung bahasa Melayu, kata-nya lagi.



Satu pemandangan di-temasha Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Greece. Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan daripada perwakilan Pengakap2 Brunei bergambar dengan empat orang Pandu2 Puteri dari Greece.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4 September hingga hari Selasa 17 September, 1963 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
4	4.40	4.55	12.24	3.44	6.30	7.43
5	4.40	4.55	12.23	3.43	6.29	7.42
6	4.40	4.55	12.23	3.43	6.29	7.42
7	4.39	4.54	12.22	3.42	6.28	7.41
8	4.39	4.54	12.22	3.42	6.28	7.41
9	4.39	4.54	12.22	3.42	6.28	7.41
10	4.39	4.54	12.22	3.42	6.27	7.40
11	4.39	4.54	12.22	3.42	6.26	7.40
12	4.39	4.54	12.21	3.41	6.26	7.39
13	4.38	4.53	12.21	3.41	6.26	7.39
14	4.38	4.53	12.21	3.41	6.26	7.39
15	4.38	4.53	12.21	3.41	6.26	7.39
16	4.38	4.53	12.21	3.41	6.26	7.39
17	4.38	4.53	12.21	3.41	6.25	7.38

Temasha Perlumbaan Perahu Menyambut Hari Jadi D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha perlumbaan perahu bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 22 September, 1963, mulai daripada pukul 8 pagi hingga katapetang hari itu.

Perlawanan Sepak Raga Jaring

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Sepak Raga Jaring kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah dimulai di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Jadual perlawanan2 yang belum lagi di-jalankan ada-lah seperti di-bawah ini:

Sambongan pusingan kedua Pasokan "B" Kumpulan Kedua: Hari Khamis 5 September: 4.50 petang—P.S.R.P. melawan S.R.J.I.P. 5.30 petang—I.P.L.B. melawan S.M.J.A. Hari Juma'at 6 September: 4.20 petang—P.S.R.P. melawan S.M.J.A. 5 petang—I.P.L.B. melawan S.R.J.I.P.


Pusingan kedua Pasokan "A" —Kumpulan Dua: 7 September: 4.50 petang—P.S.R.P. melawan S.R.J.I.P.

Pusingan kedua Pasokan "B" —Kumpulan Satu: 5 September: 4.30 petang—Pejabat Perubatan melawan I.P.L.B. 5.10 petang—M.S.B.P. melawan M.P.M.B. 6 September: 4 petang—Pejabat Perubatan melawan M.P.M.B. 4.40 petang—M.S.B.P. melawan I.P.L.B. 5.20 petang—P.S.R.P. melawan S.R.J.I.P. 7 September: 4.30 petang—Pejabat Perubatan melawan P.S.R.P. 5.10 petang—M.P.M.B. melawan S.R.J.I.P. 5.30 petang—I.P.L.B. melawan M.P.M.B.

PERTANDINGAN HOKEY PEREMPUAN

SERIA. — Pasokan Hokey Shell Recreation Club, Bahagian Perempuan telah seri dengan Pasokan Hokey Panaga Club, Bahagian Perempuan dalam satu perlawanan sa-chara persahabatan di-padang S.R.C. baharu2 ini dengan 3 gol berbalas 3 gol.

Gambar bawah di-seluruh kiri: KIRI KANAN KIRI KIRI. — Pasokan Rumah Bendahara Sakam yang telah menjadi johan di-temasha Sukan Maktab Perguruan Melayu Brunei baharu2 ini kelihatan sedang berbaris dengan semangat di-temasha pembukaan sukan itu.



lana Al-Sultan di-Bandar Brunei, Inche Ang Kim Chan d/a Pejabat Kastam Di-Raja, Bandar Brunei.

KRIKET:

Brunei Menang Perisai D.Y.M.M.

SERIA. — Pasokan Champoran Sekolah2 Sa-Negeri Brunei telah berjaya memperolehi samula Perisai Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam pertandingan kriket di-antara Sekolah2 di-Negeri2 Brunei dan Sabah.

Dalam pertandingan tersebut Pasokan Champoran Sekolah2 Sa-Negeri Brunei telah mengalahkan Pasokan Champoran Sekolah2 Sabah dengan satu "inning" dan 21 "lari".

Pertandingan tersebut telah di-langsungkan di-padang Shell Recreation Club, Seria baharu2 ini dan di-saksikan oleh ramai penggemar permainan kriket.

SUHAILI LANI DAPAT GELARAN BINTANG SUKAN MAKTAB PERGURUAN JUANA DI-KIRI — ROKIAH DI-KANAN BINTANG2 SUKAN BAHAGIAN PEREMPUAN



Gambar atas: Inche Suhaili Lani (tengah) dari Rumah Nakhoda Ragam telah di-beri gelaran "Bintang Sukan Maktab Perguruan Melayu Brunei Bahagian Lelaki Tahun 1963" di-temasha sukan maktab itu yang telah di-langsungkan pada 18 Ogos. Di-kiri ia-lah Puan Juana Lahab dan di-kanan ia-lah Puan Rokiah Hussin yang telah menyandang gelaran bersama sa-bagai "Bintang Sukan Maktab Perguruan Melayu Brunei Bahagian Perempuan Tahun 1963."

Pertandingan Bola Sepak Merayakan Hari Keputeraan D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan bola sepak untuk menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-sini telah di-mulai semenjak petang 24 Ogos yang lalu.

Pertandingan itu di-adakan di-antara pasokan2 tempatan di-Padang Besar Bandar Brunei sa-chara "pukolan mati."

Menurut ranchangan yang telah di-tetapkan, pertandingan akhir bola sepak tersebut akan di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 24 September, 1963.


Lumba Perahu Di-Belait

KUALA BELAIT. — Jawatan Kuasa Lumba Perahu Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kali yang ke-47 bagi Daerah Belait telah mengumumkan bahawa sa-banyak 18 macham perlumbaan di-ayer terbuka kepada penduduk2 di-Daerah Belait akan di-adakan di-Sungai Belait pada masa sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda dalam bulan ini.

Di-antara perlumbaan2 tersebut ia-lah perlumbaan motor sangkut, perlumbaan perahu terbuka kepada Jabatan2 Kerajaan Daerah Belait dan perlumbaan perahu dayong bersendiri.


Keterangan2 lanjut berkenaan dengan perlumbaan2 tersebut boleh-lah di-dapati daripada:

Pengiran Othman bin Pengiran anak Mohamed Salleh, Penolong Pegawai Daerah Belait; Inche Abdul Aziz Malim, d/a Pejabat Penerangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria; Chegu Abdullah bin Alihashin, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait atau pun daripada Inche Roslee Teo Kim Yau di-Pejabat Kastam Diraja, Kuala Belait.



Gambar kanan: TAREK TAREK TAREK. — Pasokan Rumah Nakhoda Manis sedang "menarek tali" dalam perlawanan akhir dengan Pasokan Rumah Bendahara Sakam di-temasha Sukan M. P. M. B. Siapakah yang menang? Jawabnya—Rumah Bendahara Sakam.

PEMANDANGAN2 DI-MAJLIS PEMBUKAAN RASMI KURSUS PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah merasmikan pembukaan Kursus Pegawai2 dan Guru2 UGAMA Sa-Negeri Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada 25 Ogos, 1963. Gambar2 ini telah di-ambil di-majlis yang bersejarah itu.



Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche A.M. MacIntosh kelihatan dalam gambar ini sedang menyematkan Pingat M.B.E. ka-atas baju Inche C.E.B. Parrott.

INCHE PARROTT MENDAPAT PINGAT M. B. E.

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche A. M. MacIntosh telah menyampaikan bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, Pingat "Member of the British Empire" bahagian awam kepada Penolong Pengarah Talikom Negeri Brunei, Inche C.E.B. Parrott.

Upacara tersebut telah di-langsungkan di-Rumah Pesuruh Jaya Tinggi di-Residency, Brunei pada petang 29 Ogos, 1963.

Inche Parrott telah di-kurniakan Pingat M.B.E. itu oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen terhadap keberanian-nya pada masa berlaku penderhakaan di-Negeri Brunei dalam bulan Desember tahun lalu.

Majlis2 Tari Menari Untuk Menyambut Hari Jadi D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Dua majlis tari menari sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan dalam bulan ini.

Satu majlis tari menari akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam 21 September dan lagi satu majlis tari menari akan di-adakan di-dewan Shell Recreation Club, Seria pada malam 22 September.

Pertandingan "Talentine"

SERIA. — Pertandingan Akhir "Talentine" Radio Brunei, Bahagian Inggeris telah di-langsungkan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam Isnin yang lalu.

Penolong Pegawai Daerah Seria, Pengiran Syed Shahminan telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

PERLUMBAAN "BIG WALK"

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh ("Big Walk") di-bawah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei akan di-adakan pada pagi hari Ahad 6 Oktober, 1963.

Perlumbaan tersebut untuk peserta2 lelaki ia-lah dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei, manakala perlumbaan untuk peserta2 wanita pula ia-lah dari Sungai Hanching ka-Bandar Brunei.

PASOKAN "GREEN JACKETS" MENGGANTIKAN PASOKAN "Q.O.H."

SERIA. — Pasokan Pertama "Green Jackets" telah kembali sa-kali lagi ka-Negeri Brunei untuk berkhidmat di-negeri ini.

Pada masa sekarang pasokan tentera Inggeris tersebut sedang berkhidmat di-kawasan Seria dan sekitar keliling-nya.

Pasokan "Green Jackets" itu telah menggantikan Pasokan Per-

tama "Queen's Own Highlanders" yang telah kembali ka-Singapura pada bulan Ogos yang lalu.

Perlu di-beritakan bahawa Pasokan "Green Jackets" itu telah berkhidmat di-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah semenjak berlaku penderhakaan dalam bulan Desember tahun lalu hingga ka-bulan March tahun ini.



Pegawai Pertanian Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit (duduk nomber lima dari kiri) telah menyampaikan sijil2 kepada penuntut2 yang telah tamat menghadiri kursus pertanian sa-lama dua bulan di-Pusat Pertanian Kilanas pada pagi 31 Ogos, 1963. Penuntut2 itu kelihatan duduk di-barisan hadapan. Di-barisan belakang ia-lah Pegawai2 dari Pejabat Pertanian Negeri Brunei yang telah bertugas sa-bagai Pensharah2 kepada penuntut2 tersebut.



Sa-rombongan pendaki2 gunung dari Negeri Brunei mengandungi delapan orang lelaki dan dua orang perempuan telah berjaya mendaki Gunung Kinabalu di-Sabah dan sampai di-kemondhak-nya 13,455 kaki tinggi dari muka bumi pada hari Isnin 26 Ogos, 1963. Dalam gambar ini kelihatan Inche Palaniandy pelatih pendaki2 gunung tersebut sedang memperkenalkan ketua rombongan pendaki2 gunung itu, Inche Hor Kam Weng sa-orang Guru di-Maktab S.O.A.S. Brunei, kepada Gabnor Sabah, Yang Terutama Sir William Goode di-Rumah Gabnor Sabah di-Jesselton sa-telah rombongan tersebut berhasil mendaki gunung yang tinggi itu.